



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
BANDAR BARU TUNJONG
16010 KOTA BHARU
KELANTAN DARUL NAIM
TELEFON UPP: 09-7418052



DOKUMEN MELALUI FAKSMILI
(NOMBOR FAKS UPP: 09-7446815)

MAKLUMAT DOKUMEN	
NO. RUJUKAN	JPKn/SPS/UPP.600-5/2 Jld.11(55)
PERKARA/ TAJUK DOKUMEN	KELULUSAN UNTUK PROGRAM KITAR SEMULA Xused : LEARN AND EARN 2019 YANG DIJALANKAN DISEKOLAH-SEKOLAH SELURUH NEGERI KELANTAN
BIL. MUKA SURAT YANG DIHANTAR	03 (TERMASUK MUKA SURAT INI)
TARIKH DIHANTAR	22.04.2019
MAKLUMAT PENERIMA	
NAMA PEGAWAI	KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ALAMAT ORGANISASI	XUSED WORLDWIDE SOLUTION SDN BHD
NO. FAX	03-55699877
MAKLUMAT PENGIRIM	
NAMA PEGAWAI	CHE HANUNI BT CHE ALI
ALAMAT	KETUA UNIT UNIT PERHUBUNGAN DAN PENDAFTARAN JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN
PESANAN	UNTUK MAKLUMAN DAN TINDAKAN TUAN TERIMA KASIH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000
Fax : 09-748 2554
Website : jpnkelantan.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPKn/SPS/UPP.600-5/2 Jld.11 (55)
Tarikh : 18 April 2019

SAIFUL ADLI BIN MOKHTAR
Ketua Pegawai Eksekutif
Xused Worldwide Solution Sdn Bhd
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park
No 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam
Selangor.

Tuan,

KELULUSAN UNTUK PROGRAM KITAR SEMULA 'Xused: LEARN AND EARN 2019' YANG DIJALANKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH NEGERI KELANTAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK) tiada halangan kepada pihak Xused Worldwide Solution Sdn Bhd untuk **Program Kitar Semula 'Xused: Learn And Earn 2019' Yang Dijalankan Di Sekolah-Sekolah Seluruh Negeri Kelantan** seperti yang dimohon. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2004 - Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan perlu mengadakan perbincangan dengan **Ketua Pegawai Pendidikan Daerah / Pengetua / Guru Besar yang terlibat** untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik untuk melaksanakan program ini di samping mematuhi syarat-syarat berikut;

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada Ketua Pegawai Pendidikan Daerah/Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.2 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk Mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 3.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan, kebajikan kerahsiaan maklumat murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid-murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid-murid hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 Guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program berkenaan;

**KELULUSAN UNTUK PROGRAM KITAR SEMULA 'Xused: LEARN AND EARN 2019'
YANG DIJALANKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH NEGERI KELANTAN**

Ruj. Kami : JPKn/SPS/UPP.600-5/2 Jld.11 (55)

Tarikh : 18 April 2019

- 3.8 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 3.9 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari selepas pelaksanaan program tersebut;
- 3.10 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, guru dan murid yang terlibat; dan
- 3.11 Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.

4. Untuk makluman tuan, pihak KPM sedang berusaha Melindungi Masa Instruksional (MMI), yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan mencadangkan supaya penglibatan guru dan murid diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid.

5. Kelulusan ini [KELULUSAN UNTUK PROGRAM KITAR SEMULA 'Xused: LEARN AND EARN 2019' YANG DIJALANKAN DI SEKOLAH-SEKOLAH SELURUH NEGERI KELANTAN] hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh 30 Disember 2019.

Sekian, terima kasih.

"Raja Berdaulat, Rakyat Sepakat, Negeri Berkat"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



HJ. ABDULLAH BIN MAT P.S.K.
Timbalan Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan.

s.k.

- Fail.